



Keadaan perabot dan pelbagai perkakas rumah yang rosak selepas dilanda banjir kilat di Taman Perumahan Thean Tek, Air Itam, Georgetown, semalam.

Sampah sarap memenuhi perangkap sampah di Sungai Pinang selepas banjir di sekitar Georgetown.



Mangsa banjir kecewa wakil Kerajaan DAP tak jengah

Oleh Nazura Ngah, Muhammad Yusri Muzamir dan Nurazimah Mohamed Benyamin
bhnews@bh.com.my

► **Georgetown**

Penduduk yang terjejas akibat banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini kelimari, melahirkan rasa hampa terhadap wakil rakyat Kerajaan DAP Pulau Pinang yang didakwa tidak tampil membantu mereka ketika berhadapan bencana berkenaan.

Tinjauan BH di beberapa lokasi yang teruk dilanda banjir kilat mendapati, kebanyakan penduduk setempat meluahkan rasa sama, biarpun kerja pembersihan di kediaman masing-masing sudah dijalankan sejak 7 pagi, semalam.

Harap turun padang, tinjau keadaan

Penduduk di Jalan P Ramlee, Farah Atikah Ali, 32, berkata dia sangat kecewa kerana terpaksa menjalankan kerja pembersihan tanpa bantuan mana-mana pihak, selain tiada sebarang bantuan awal dari

kerajaan negeri.

"Bukanlah kami harapkan kerajaan negeri bagi sumbangan wang untuk kerja pembersihan tetapi sekurang-kurangnya jenguk rakyat dan hantar bantuan makanan dalam keadaan seperti ini.

"Saya terpaksa membersihkan lumpur yang melekat di rumah walaupun baru pulih daripada sakit," katanya ketika ditemui BH di sini, semalam.

Sementara itu, penduduk, R Indirani, 61, berkata pihaknya khuatir kerja pembersihan kawasan rumah akan mengambil masa lama berikutan lapisan lumpur agak tebal yang mendap di kediamannya.

"Banjir kilat yang teruk ini membataskan sambutan Deepavali hingga menyebabkan kami membatalkan rancangan untuk berkunjung ke rumah saudara dan sahabat.

"Kami juga terkilang apabila banyak persiapan Deepavali musnah sekelip mata apabila kebanyakannya rosak ditenggelami banjir, selain kami tidak dapat menerima kunjungan saudara dan sahabat yang mahu melawat sempena Deepavali," katanya.

Peniaga, Lim Chin Kok, 47, ber-

kata dia mengalami kerugian sekurang-kurang RM10,000 selepas kebanyakan barangan alat ganti kenderaan di bengkelnya rosak akibat ditenggelami banjir.

Keluar belanja sendiri

"Sebanyak tujuh motosikal dan tiga kereta pelanggan rosak akibat ditenggelami air, selain banyak mesin untuk membaiki kenderaan rosak dalam kejadian banjir semalam (kelmarin).

"Lebih menyedihkan apabila saya terpaksa mengeluarkan wang untuk mengupah bomba sukarela membantu mengemas lumpur di kedai ini," katanya.

Penduduk di Taman Thean Tek 4, Air Itam, Leong Khaw Ying, 50, berkata banjir kilat di kawasan rumahnya dikesan berpunca daripada saluran longkang yang kecil, selain limpahan air sungai di belakang rumahnya.

Tinjauan di kawasan berkenaan turut mendapati, penduduk setempat terpaksa membelanjakan wang untuk menyewa sekurang-kurangnya tiga lori sampah bagi mengangkat timbunan sampah dan barangan peribadi yang rosak akibat kejadian banjir di kawasan itu.

➔ Penduduk tanggung kerugian, lakukan sendiri kerja pembersihan